

Ruj. Kami : UTM.J.04.03.01/26.11/1/21 Jld.2 (164)
Tarikh : 16 Ogos 2022

Encik Mazli Bin Hashim

Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Princess Elizabeth
81100 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Tuan,

**JEMPUTAN KE SESI PELANCARAN PROJEK 'SATU AKSARA SEJUTA AMALAN' DAN
PENYERAHAN NASKHAH BUKU BACA DI KARNIVAL IRAMA BENTALA DAKSINA SEMPENA
DEKAD BAHASA KEBANGSAAN NEGERI JOHOR 2022**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perpustakaan UTM akan menganjurkan Sesi Pelancaran Projek 'Satu Aksara Sejuta Amalan' di Karnival Irama Bentala Daksina sempena sambutan Dekad Bahasa Kebangsaan Negeri Johor pada 26 Ogos 2022 (Jumaat) jam 10.30 pagi bertempat di Level 2, Plaza Angsana, Johor Bahru. Projek 'Satu Aksara Sejuta Amalan' merupakan satu program khidmat masyarakat Jabatan Perpustakaan UTM dalam mempergiat inisiatif transliterasi buku bercetak kepada format *braille* khusus bagi mewujudkan sebuah ekosistem membaca yang inklusif untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) kelainan upaya penglihatan.

3. Untuk makluman, Jabatan Perpustakaan UTM telah diberi kepercayaan untuk mentransliterasi sebuah buku yang bertajuk 'Baca' terbitan Persatuan Pustakawan Malaysia dan Sekretariat KL *World Book Capital* (KLWBC) 2020 kepada naskhah *braille* untuk diedarkan ke sekolah pendidikan khas seluruh Malaysia. Satu sesi Baca dan Santai turut diadakan sebagai mempromosi kandungan buku tersebut. Hadirin juga dijemput ke Reruai Jabatan Perpustakaan UTM untuk turut sama menyumbang khidmat bakti sebagai sukarelawan dalam projek transliterasi ini.

4. Sehubungan itu, Perpustakaan UTM ingin menjemput guru serta pelajar Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Princess Elizabeth, Johor Bahru untuk menyertai acara pelancaran projek 'Satu Aksara Sejuta Amalan' dan seterusnya turut serta dalam sesi Baca Dan Santai. Sesi penyerahan naskhah buku Baca kepada pihak sekolah akan turut diadakan semasa program berlangsung.

Kesudian pihak sekolah untuk menjayakan program ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian.

"Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"

"Berkhidmat Untuk Negara"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR ASIKIN BINTI MOHAMAD)

Ketua Pustakawan
Jabatan Perpustakaan UTM
b.p. Naib Canselor
☎ : 07-5530101
✉ : asikin@utm.my

NAM/sar